

Newspaper	Berita Harian
Date	18/5/2011

Tukar suaka jalan terbaik atasi pelarian

Malaysia, Australia jadi contoh kepada negara lain

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein percaya, perjanjian pertukaran pemohon suaka antara Malaysia dan Australia adalah jalan terbaik menangani masalah pelarian serta penyeludupan manusia di kedua-dua negara, selain menjadi contoh kepada negara lain.

Beliau berkata, usaha itu yang disifatkan sebagai pendekatan di luar kotak mendahului negara lain termasuk di Eropah yang berdepan masalah pelarian, terutama selepas krisis di Asia Barat.

"Tidak dapat dinafikan ada yang memandang negatif usaha ini, tetapi adakah mereka mempunyai penye-

lesaian bagi isu keganasan dan pergerakan manusia disebabkan pelbagai krisis di seluruh dunia.

"Saya percaya usaha ini merintis, menggalakkan dan mulia yang akan dicontohi negara lain yang berdepan isu sama," katanya selepas melancarkan buku '*Legacy of Honour*' di sini, semalam.

Minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Perdana Menteri Australia, Julia Gillard mengumumkan kedua-dua negara sedang memuktamadkan perjanjian untuk bertukar pemohon suaka. Menerusi perjanjian itu, 800 orang yang cuba memasuki Australia dengan menaiki bot akan terus diambil oleh Malaysia.

Sebagai balasan, Australia akan mengambil 4,000 pelarian tulen dari Malaysia dalam tempoh empat tahun

dalam usaha memerangi penyeludupan manusia.

Hishammuddin berkata, bagi memastikan hak asasi pemohon suaka terpelihara, kedua-dua negara akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) serta Pertubuhan Antarabangsa Untuk Migrasi (IOM).

Katanya, butiran terperinci mengenai perkara itu akan diumumkan selepas beliau bertemu dengan rakan sejawatnya dari Australia, Chris Bowen dan Menteri Luar kedua-dua negara.

Sementara itu, Hishammuddin menyifatkan '*Legacy of Honour*' bukan sekadar mengisahkan mengenai moyangnya, Datuk Ja'afar Mohamed, datuknya, Datuk Onn Ja'afar dan bapanya, Tun Hussein Onn, tetapi ia

• NIKHARIF HASSAN BERITA HARIAN



HISHAMMUDDIN memberi penerangan ringkas mengenai buku sejarah keluarganya kepada ibunya, Toh Puan Suhaila Mohamed Noah pada majlis pelancaran buku '*Legacy Of Honour*' di Kuala Lumpur, semalam.

sejarah negara yang memberi pengajaran mengenai diplomasi dan bagaimana menghadapi tekanan persaingan dalam politik dan urus tadbir.

'*Legacy of Honour*' tulisan Zainah Anwar yang diterbitkan Yayasan Mohamed Noah

mengisahkan kehidupan dan perjuangan tiga generasi pemimpin negara termasuk Ja'afar yang juga Menteri Besar Johor pertama, Onn sebagai Menteri Besar Johor ketujuh dan pengasas UMNO serta Hussein yang juga Perdana Menteri ketiga.